

PM tegur golongan yang tidak bersyukur

PENDANG, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat supaya mengikis sikap suka menggigit tangan orang yang memberi bantuan.

Perdana Menteri berkata, sikap itu amat buruk dan tidak sesuai, terutama bagi umat Islam yang memang disuruh bersyukur dan berterima kasih kepada orang yang memberi bantuan.

Beliau membuat gesaan itu di majlis meletakkan batu asas masjid baru di rancangan Felda Sungai Tiang, 18 kilometer dari sini tengah hari tadi.

Katanya, sikap suka

menggigit tangan orang yang memberi bantuan kini semakin menjadi-jadi di kalangan orang dewasa, pemuda dan juga peneroka Felda.

Beliau berpendapat, orang yang tidak bersyukur itu adalah mereka yang tidak mempunyai sifat-sifat yang mulia dan tidak menghayati ajaran Islam.

Fungsi

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, orang Islam yang mempunyai sifat-sifat mulia sentiasa bersyukur dan berterima kasih serta terhutang budi kepada orang yang menolong mereka.

2. JUN 1985
Bagaimanapun, beliau berharap dengan adanya masjid dan syarahan-syarahan agama yang diadakan, sifat-sifat buruk itu dapat dikikis daripada kalangan orang Islam.

Mengenai fungsi masjid, Perdana Menteri berharap ia tidak akan disalahgunakan untuk menimbulkan masalah atau permusuhan di kalangan umat Islam.

Beliau mensifatkan tindakan salahguna masjid itu sebagai satu pengkhianatan terhadap maksud sebenar masjid dibina.

Katanya, masjid patut digunakan sebagai tempat untuk mempelajari agama dan merapatkan

hubungan silaturrahim sesama Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal kerana ada orang menggunakan masjid untuk majlis majlis syarahan yang memecah-belahkan umat Islam serta melaga-lagakan mereka.

Menurutnya, orang seperti itu menyuruh umat Islam supaya tidak bersyukur dan tidak berterima kasih kepada orang yang memberi pertolongan, sebaliknya menyuruh mereka menggigit tangan orang yang memberi bantuan itu.

Jujur

"Jika haiwan menggigit tangan orang yang memberi tak hairanlah, tetapi jika manusia yang tidak bersyukur ini amat mengecewakan," tegasnya.

Perdana Menteri juga berpendapat, jika umat Islam menggunakan masjid secara jujur dan mengikut kehendak ajaran Islam, mereka pasti akan dapat hidup aman damai serta bahagia.

Beliau menyeru umat Islam supaya menjaga kebersihan masjid dan kawasannya kerana ia juga adalah satu ibadat yang dituntut oleh Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memuji peneroka Sungai Tiang kerana bersatu tenaga untuk membina sebuah masjid baru secara gotong-royong dan dengan biayaan sendiri.

Perdana Menteri, yang diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah dan Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff, menunaikan sembahyang Jumaat bersama umat Islam di masjid lama di rancangan itu.